

Larang golongan bawah umur buka akaun Facebook

Tidak dinafikan, jumlah rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan kumpulan pengganas serta militan seperti kumpulan Negara Islam (IS) yang kini mengganas di negara Asia Barat dilihat meningkat dari semasa ke semasa.

Turut menjadi kebimbangan banyak pihak terutama ibu bapa serta penjaga apabila kumpulan pengganas serta ekstrem terbabit mula merangka strategi mempengaruhi golongan muda dalam negara kita seperti remaja untuk menyertai mereka.

Terbaru, seorang pelajar perempuan berumur 14 tahun dilaporkan ditahan polis di Lapa-

ngan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada minggu lalu dipercayai cuba menyertai kumpulan militan IS di Syria.

Pelajar perempuan terbabit dipercayai membuat persiapan untuk melakukan perjalanan ke Syria menerusi Mesir dan pihak polis juga percaya gadis terbabit terpengaruh dengan maklumat diperoleh melalui laman sosial Facebook.

Terpengaruh dakyah kumpulan pengganas

Kejadian membabitkan generasi muda yang terpengaruh dengan dakyah kumpulan pengganas serta militan ini bukanlah satu per-

kara yang baharu kita dengar, malah pada tahun lalu juga terdapat beberapa laporan menunjukkan golongan pengganas serta militan terbabit sudah aktif menggunakan media sosial seperti Facebook untuk menyebarkan pengaruh mereka.

Persoalannya, mengapakah generasi muda di institusi pendidikan tinggi (IPT) dan pelajar sekolah menjadi sasaran kumpulan terbabit.

Jawapannya kerana mereka yang dalam lingkungan umur 13 hingga 25 tahun adalah paling mudah dipengaruhi oleh pihak mempunyai agenda tertentu.

Antara sebab lain penggunaan media sosial bentuk baru seperti Facebook dan Twitter menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian generasi muda masa kini.

Bukan sahaja media sosial baharu menjadi saluran komuni-

kasi utama kumpulan anak muda dalam negara kita, malah ia juga sentiasa dianggap sumber maklumat utama dan sah bagi mereka.

Pantau perkembangan anak elak terpedaya hasutan

Dalam hal ini, pihak berkuasa seperti polis perlu sentiasa mengeluarkan nasihat supaya ibu bapa serta penjaga memantau perkembangan anak mereka agar tidak mudah terpedaya dengan sebarang hasutan luar, yang boleh merosakkan masa depan mereka.

Namun, secara realitinya agak sukar untuk ibu bapa ataupun penjaga melakukan pengawasan 24 jam terhadap anak kerana kesibukan kerja.

Justeru, bolehlah disarankan di sini supaya golongan bawah umur terutama mereka yang ma-

sih bersekolah dilarang membuka akaun laman sosial seperti Facebook bagi mengelakkan diri mereka daripada terpengaruh dengan elemen negatif daripada kumpulan pengganas atau individu yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa sama, pihak yang berkaitan dengan isu keselamatan alam siber dalam negara seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) hendaklah memantau aktiviti dalam alam siber terutama melalui media sosial bagi menyekat kelompok ekstremis ini menyebarkan pengaruh kepada rakyat kita.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia